

Submission date: 03/01/2020

Accepted date: 1/04/2020

**KESEDIAAN PELAJAR GENERASI Z DI UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN DALAM PEMBELAJARAN TERADUN BAHASA ARAB  
DALAM ERA IR4.0***Readiness of Generation Z Students at University Malaysia Kelantan for Arabic  
Blended Learning in the Era of IR4.0*Ahmad Zaki Amiruddin<sup>a</sup>, Zulazhan Ab. Halim<sup>b</sup>, Nurkhamimi Zainuddin<sup>c</sup><sup>a</sup>Universiti Malaysia Kelantan<sup>b</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin<sup>c</sup>Universiti Sains Islam Malaysia

ahmadzaki@umk.edu.my

**Abstrak**

Era IR4.0 telah mencetuskan anjakan paradigma dalam pelbagai sektor, termasuk sektor pendidikan melalui penerapan gabungan teknologi; e-pembelajaran dengan pembelajaran bersemuka yang dikenali sebagai pembelajaran teradun. Kajian ini diketengahkan bagi mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Generasi Z (Gen-Z) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam pembelajaran teradun bahasa Arab. Kaedah kuantitatif telah dimanfaatkan dalam kajian ini dengan menumpukan kepada analisis statistik deskriptif melalui edaran soal selidik yang melibatkan pelajar UMK. Dapatan menunjukkan kesediaan responden untuk pembelajaran teradun bahasa Arab pada tahap tinggi. Oleh itu, dicadangkan kajian berkaitan pembelajaran teradun perlu lebih giat dijalankan pada masa akan datang kerana pelajar Gen-Z bersedia menerimanya.

Kata kunci: bahasa Arab, pembelajaran teradun, pelajar gen-z, e-pembelajaran.

**Abstrak**

The era of IR4.0 led to a rapid paradigm in various sectors, including the education sector through the adoption of technology combination; e-learning and face-to-face learning, known as blended learning (BL). This study was designed to identify the readiness level of generation z (Gen-Z) students at Universiti Malaysia Kelantan (UMK) for Arabic BL. The quantitative method was utilized in this study by focusing on descriptive statistical analysis through the distribution of questionnaires

among UMK students. The results showed that the readiness among the respondents for Arabic blended learning at a high level. Hopefully, for future, the BL-related studies should be more exposed because of Gen-Z students' acceptance and their readiness.

Keywords: Arabic language, blended learning, gen-z students, e-learning.

## PENGENALAN

Revolusi Industri (IR4.0) adalah rentetan proses revolusi digital tahap ketiga dengan penggunaan secara maksimal alatan digital, penghasilan produk digital dan proses berkaitan yang juga secara digital (Schwab, 2016). Fenomena IR4.0 ini bukan sahaja memberi impak ke atas sektor perindustrian, perkilangan dan sistem pemprosesan di sektor-sektor berkenaan, malah turut mencorak sektor pendidikan ke arah yang lebih maju dan terkini.

Realitinya, perkembangan ini telah lama berlaku sejajar dengan kemajuan teknologi sejak awal 1980an ketika mula-mula komputer peribadi diperkenalkan, diikuti pelancaran Wawasan 2020 pada tahun 1991, iaitu menyasarkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam teknologi maklumat setanding dengan negara-negara maju yang lain (Ansary, Yusup, Arafeh, & Nazirah, 2010), seterusnya pengenalan kepada Transformasi Nasional 2050 (TN50) pada Januari 2017 yang menghala Malaysia ke arah perkhidmatan secara maya dalam pendidikan, kesihatan dan pelancongan (“TN50: Masa Depan Negaraku,” 2017).

Dalam bidang pendidikan di Malaysia secara khusus, perkembangan teknologi di peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi adalah selari dengan kemajuan teknologi di Malaysia. Pada awal tahun 1988, di peringkat sekolah, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP – sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan) telah diwujudkan bertujuan menguruskan pusat sumber sekolah, program dan aktiviti berkaitan teknologi pendidikan (“Sejarah BTP,” 2017). Manakala dari tahun 1988 hingga 2005, di peringkat institusi pengajian tinggi pula menyaksikan teknologi pendidikan dipelopori oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dengan penggunaan telesidang audio, pendidikan jarak jauh (PJJ) menggunakan telesidang video dan pelancaran portal elektronik tersendiri, seterusnya berpindah ke platform *Moodle*. Selain itu, Universiti Tun Razak (UNITAR), Universiti Multimedia (MU), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Universiti Terbuka Wawasan (WOU) dan Asia e University (AeU) turut mengorak langkah yang sama seperti USM dengan menjadikan e-pembelajaran dalam PJJ (Ansary et al., 2010).

Aliran kemajuan dalam pengajian tinggi berterusan secara lebih berfokus kepada e-pembelajaran dengan penubuhan Jawatankuasa CAP e-Pembelajaran 2010, diikuti Dasar e-Pembelajaran Negara Institusi Pengajian Tinggi 2011 (DePAN) yang menggariskan lima fasa e-pembelajaran dari tahun 2011 hingga 2015, dan seterusnya DePAN 2.0 dengan agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau singkatannya PPPM 2015-2025 (PT). Dalam PPPM 2015-2025 (PT), lonjakan ke-9 dijadikan salah satu agenda Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dengan menekankan penggunaan *Learning Management System (LMS)*, platform *Moodle* (“Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0,” 2015; “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi),” 2015). Seterusnya, pada tahun 2017, impak daripada cetusan IR4.0, *Malaysia Higher Education 4.0 (MyHE 4.0)* diketengahkan dengan menyentuh cara penyampaian kurikulum yang melibatkan pelajar sebagai penyambung (*connectors*), pereka (*creators*) dan pembina (*constructivists*), serta proses pembangunan kurikulum dalam talian dengan keterbukaan akses (Ali, Rose Alinda, Syed Norris, Marlia, & Siti Hamisah, 2017).

## **PEMBELAJARAN TERADUN**

Pembelajaran teradun ialah terjemahan istilah bahasa Inggeris “*Blended Learning (BL)*” merupakan salah satu pendekatan terkini dan kreatif yang menjadi pilihan DePAN 2.0 bagi memastikan agenda e-pembelajaran dilaksanakan dengan jayanya, di samping ia juga sesuai dengan MyHE 4.0.

Definisi BL menurut Amrien Hamila & Mohamed Amin (2016) ialah satu pendekatan yang mengintegrasikan metode pembelajaran dan pengajaran (PdP) berasaskan laman sesawang dengan interaksi bersemuka. Secara lebih jelas, BL merupakan gabungan pendekatan tradisional/konvensional iaitu pembelajaran di dalam kelas secara bersemuka dengan pembelajaran dalam talian berasaskan laman sesawang (e-pembelajaran) atau berasaskan teknologi (Lalima & Lata Dangwal, 2017; Norasyikin & Mohd Isa, 2016).

Berdasarkan DePAN 2.0, kursus BL perlu sekurang-kurangnya “...mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian dengan mod pembelajaran bersemuka di mana 30%–79% kandungan kursus disampaikan secara dalam talian” (“Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0,” 2015).

Di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pembelajaran teradun adalah melalui platform LMS Moodle yang dikenali sebagai eCampus UMK. Pada semester 1 (2019/2020), kursus-kursus yang mencapai status “*Blended*” ialah 80%, iaitu sebanyak 332 kursus daripada 419 kursus yang ditawarkan (“Overall Report

Blended Learning UMK Semester 1 (2019/2020),” 2019). Status “*Blended*” dikira melalui ketetapan kriteria berikut, iaitu; 1 (maklumat kursus), 7 (bahan/kandungan kursus), 3 (aktiviti kursus) dan 2 (penilaian kursus) (“How to Achieve Blended - eCampus UMK,” 2018).

## PELAJAR GENERASI Z

Majoriti pelajar institusi pengajian tinggi pada hari ini adalah dikenali sebagai generasi Z (Gen-Z) yang lahir pada tahun 1998 hingga 2009, berumur kurang daripada 20 tahun (Muhammad Modi, Maizatul Hayati, & Suhairun Nizam, 2017). Kajian Barnes & Noble College (2015) mendapati kecenderungan Gen-Z adalah pembelajaran secara dalam talian melalui laman sesawang yang dilengkapi terus dengan bahan-bahan pelajaran sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1.

### Rajah 1: Kecenderungan Gen-Z dalam Pendidikan Berteraskan Teknologi



Pelajar UMK dalam kajian ini, iaitu pelajar semester 1 (2019/2020) adalah dalam kalangan Gen-Z yang lahir dalam lingkungan tahun 1998-2000. Mereka mendaftar kursus bahasa Arab pada semester tersebut dan diambil sebagai responden untuk kajian analisis kesediaan ini.

## PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Menurut Muhammad Ilham (2017) dan Ismail Suardi (2015) PdP bahasa Arab masih menggunakan pendekatan tradisional iaitu hafalan dan memori jangka masa pendek. Selain itu, pendekatan terjemahan teks Arab ke bahasa Melayu dan pengajaran berpusatkan guru masih dilaksanakan secara meluas dalam PdP bahasa Arab (Abdul Razif et al., 2017). Antara saranan bagi mengatasi permasalahan ini adalah sebagaimana dinyatakan oleh Ismail Suardi (2015), iaitu aktiviti pembelajaran perlu dirancang secara lebih aktif dan interaktif mengikut perkembangan semasa agar lebih efektif.

Justeru, pembelajaran teradun untuk bahasa Arab adalah salah satu pendekatan terkini yang sesuai untuk menyelesaikan permasalahan ini. Kajian ini merupakan dapatan dari fasa awal iaitu; fasa analisis bertujuan mendapatkan respons kesediaan

pelajar sebelum diteruskan fasa berikutnya iaitu; fasa reka bentuk dan pembangunan pembelajaran teradun dalam talian.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik. Data yang diperoleh melalui instrumen kajian tersebut dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Fokus kajian ini adalah mendapatkan kesimpulan tahap kesediaan pelajar UMK dalam pembelajaran teradun bahasa Arab melalui nilai skor min yang diperoleh dari setiap item dan nilai skor min keseluruhan.

Instrumen kajian, iaitu soal selidik adalah diadaptasi dengan pengubahsuaian dan telah melalui proses kebolehpercayaan secara SPSS dengan nilai pekali Alfa Cronbach ( $\alpha$ ) 0.870. Ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi (lingkungan 0.65 hingga 0.95) dan sesuai untuk diedarkan. Soal selidik mempunyai tiga bahagian, iaitu; Bahagian A (Demografik; Jantina, Tempat Pengajian dan Latar Belakang Bahasa Arab), Bahagian B (Tahap Kesediaan Pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di Internet) dan Bahagian C (Tahap Kesediaan Pelajar dalam pembelajaran Teradun Bahasa Arab) sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1. Manakala skala tahap diinterpretasi berdasarkan nilai skor min seperti di Jadual 2.

**Jadual 1: Bahagian/Kategori dan Bentuk Kenyataan dan Jawapan Soal Selidik**

Kategori Soalan	Bentuk Kenyataan dan Jawapan
Bahagian A	Latar belakang demografi responden. Pilihan jawapan disediakan.
Bahagian B	Kesediaan pembelajaran bahasa Arab di Internet.
Bahagian C	Kesediaan pembelajaran teradun bahasa Arab. Pilihan jawapan adalah berskala likert dari 1-5, iaitu; (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju, (5) Sangat Setuju.

**Jadual 2: Skala Tahap Berdasarkan Nilai Skor Min**

Skor min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

Responden bagi kajian ini adalah seramai 130 orang, iaitu terdiri daripada pelajar UMK dari tiga kampus; Kampus Kota, Kampus Bachok dan Kampus Jeli yang mengikuti Kursus Bahasa Arab Tahap 1 pada semester 1 (2019/2020). Edaran

kepada responden adalah melalui pengajar-pengajar mereka dan dijawab secara dalam talian.

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian telah diperoleh melalui analisis SPSS secara statistik deskriptif ke atas data respons yang terkumpul daripada 130 orang pelajar/responden. Perincian dapatan kajian adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 3, 4 dan 5.

Jadual 3 menunjukkan dapatan bahagian A, iaitu berkaitan demografik responden yang terdiri daripada jantina, tempat pengajian dan latar belakang bahasa Arab.

**Jadual 3: Jantina, Tempat Pengajian dan Latar Belakang Bahasa Arab**

Demografik	Faktor	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	30	23.1
	Perempuan	100	76.9
Tempat Pengajian (Kampus)	Kampus Kota (Pengkalan Chepa)	47	36.2
	Kampus Utama (Bachok)	40	30.8
	Kampus Jeli	43	33.1
Latar Belakang Bahasa Arab	Tiada asas langsung	30	23.1
	Peringkat sekolah rendah	55	42.3
	Peringkat sekolah menengah	45	34.6

Seramai 130 orang pelajar menjadi responden untuk soal selidik ini, terdiri daripada 30 orang lelaki (23.1%) dan 100 orang perempuan (76.9%). Para pelajar adalah dari tiga kampus UMK, iaitu; 47 orang (36.2%) dari Kampus Kota (Pengkalan Chepa), 40 orang (30.8%) dari Kampus Utama (Bachok) dan 43 orang (33.1%) dari Kampus Jeli. Manakala dari segi latar belakang bahasa Arab dalam kalangan pelajar berikut adalah 30 orang (23.1%) tiada mempunyai asas langsung, 55 orang (42.3%) mempunyai asas peringkat sekolah rendah dan 45 orang (34.6%) mempunyai asas peringkat sekolah menengah.

Hasil daripada analisis data demografik, didapati pelajar perempuan lebih ramai sebagai responden berbanding pelajar lelaki. Ini disebabkan pendaftaran pelajar setiap tahun di UMK, majoritinya pelajar perempuan. Dari segi tempat pengajian pelajar, jumlah adalah hampir seimbang, ini menjadikan data yang diperoleh lebih menyeluruh dengan diwakili oleh setiap pelajar dari hampir kesemua fakulti di UMK; Kampus Kota mewakili Fakulti Keusahawanan, Kampus Bachok mewakili Fakulti Teknologi Kreatif dan Kampus Jeli mewakili Fakulti Agro dan Sains Bumi.

Hanya pelajar Fakulti Perubatan Veterinar tidak termasuk dalam kajian ini kerana jumlah mereka sangat minoriti dan tidak ramai yang mengambil kursus bahasa Arab. Jadual 4 pula membentangkan dapatan bahagian B, iaitu berkaitan tahap kesediaan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di Internet secara umum, seterusnya Jadual 5 menunjukkan dapatan bahagian C, iaitu berkaitan tahap kesediaan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab secara teradun.

**Jadual 4: Tahap Kesediaan Pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di Internet**

Item	Penyataan	Min	SP	Tahap
B1	Suka mempelajari bahasa Arab di Internet.	3.769	0.8764	Tinggi
B2	Berminat meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Arab melalui Internet.	4.131	0.8296	Tinggi
B3	Selesa merakam suara bacaan bahasa Arab dan memuat naik fail di Internet.	3.362	0.9961	Sederhana
B4	Selesa mempraktik pertuturan bahasa Arab melalui ruangan perbualan di Internet.	3.423	0.9634	Sederhana
B5	Tiada masalah untuk menaip tugas bahasa Arab yang disediakan di Internet.	3.454	1.0124	Sederhana
Min	Keseluruhan Kesediaan Pelajar (Pembelajaran Bahasa Arab di Internet)	3.6277	0.68506	Sederhana

Nilai skor min bagi dua item pertama iaitu, B1 dan B2 adalah pada tahap tinggi, iaitu masing-masing 3.769 (B1) dan 4.131 (B2). Kedua-dua item ini menjelaskan bahawa pelajar/responden suka mempelajari bahasa Arab di Internet secara umum dan mempunyai minat untuk meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Arab melalui Internet. Manakala nilai skor min bagi B3, B4 dan B5 adalah pada tahap sederhana, iaitu 3.362 (B3), 3.423 (B4) dan 3.454 (B5). Ketiga-tiga item ini menunjukkan pelajar/responden hanya pada tahap sederhana apabila melibatkan rakaman suara bahasa Arab dan memuat naik rakaman tersebut, praktikal kemahiran bertutur dan tugas menaip bahasa Arab di Internet.

Berdasarkan dapatan bahagian B tersebut, didapati tahap kesediaan pelajar apabila melibatkan pembelajaran bahasa Arab di Internet secara umum adalah sederhana sebagaimana ditunjukkan melalui nilai skor min keseluruhan, iaitu 3.6277. Justeru,

dapat dikenal pasti bahawa pembelajaran bahasa Arab di Internet semata-mata tidak menjadi pilihan utama pelajar UMK.

**Jadual 5: Tahap Kesediaan Pelajar Pembelajaran Teradun Bahasa Arab**

Item	Penyataan	Min	SP	Tahap
C1	Saya lebih berminat dengan pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas yang ditambah dengan bahan/aktiviti pembelajaran di Internet.	4.285	0.7178	Tinggi
C2	Saya selesa memuat turun bahan-bahan pembelajaran bahasa Arab di Internet untuk kegunaan di dalam kelas.	4.077	0.7431	Tinggi
C3	Saya berminat untuk melaksanakan aktiviti tambahan bahasa Arab di Internet selain pembelajaran di dalam kelas.	3.969	0.7869	Tinggi
C4	Saya bersedia melaksanakan tugas, latihan pengukuhan & ujian penilaian bahasa Arab di Internet.	3.931	0.7991	Tinggi
C5	Saya percaya pembelajaran gabungan di dalam kelas dan di Internet lebih menarik dan efisien.	4.131	0.7815	Tinggi
Min	Keseluruhan Kesediaan Pelajar (Pembelajaran Teradun Bahasa Arab)	4.0785	0.65201	Tinggi

Nilai skor min bagi kesemua item adalah pada tahap tinggi, iaitu mengikut susunan dari yang tertinggi sehingga paling rendah nilainya; C1 (4.285), C5 (4.131), C2 (4.077), C3 (3.969) dan C4 (3.931). Manakala nilai skor min keseluruhan adalah 4.0785 pada tahap tinggi.

Dapatan yang diperoleh jelas menunjukkan pelajar sangat bersemangat dan bersedia untuk meneroka pendekatan terkini PdP, iaitu gabungan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian atau dikenali dengan istilah pembelajaran teradun. Pembelajaran teradun lebih menjadi pilihan pelajar berbanding pembelajaran di Internet sepenuhnya berpandukan hasil analisis dapatan.

## KESIMPULAN

Melalui hasil dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa pendekatan PdP masih perlu menggunakan pendekatan konvensional iaitu bersemuka di dalam kelas, namun bagi memastikan proses PdP tidak ketinggalan zaman dan diterima oleh para pelajar Gen-Z yang tidak boleh berpisah dengan teknologi, maka pendekatan sedia



ada perlu digabungkan dengan pendekatan terkini, iaitu pembelajaran dalam talian, diistilahkan sebagai pembelajaran teradun.

Sementelahan itu, bagi kursus bahasa Arab yang menekankan penguasaan empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis sangat sesuai dengan pendekatan pembelajaran teradun. Ini memastikan pelajar mendapat ilmu dan kefahaman di dalam kelas, seterusnya melaksanakan aktiviti pengukuhan secara berterusan dalam talian. Ini menjadikan aktiviti pengukuhan kemahiran bahasa Arab dapat dirancang dan dilaksanakan tanpa perlu terikat dengan tempoh jam pertemuan di dalam kelas, bahkan ia boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa selagi mana rangkaian Internet wujud.

Tambahan daripada itu, dicadangkan perancangan aktiviti dalam talian bagi pengukuhan kemahiran bahasa Arab adalah perlu disusun secara sistematik dan pelbagai. Antara yang boleh dipertimbangkan adalah elemen berbentuk multimedia (audio dan video), animasi dan gamifikasi yang interaktif. Penggunaan aplikasi web 2.0 yang tersedia di Internet pasti memudahkan lagi proses penerapan elemen-elemen berikut. Ini menjadikan bahasa Arab tidak lagi kaku dan tidak lagi berada pada takuk pembelajaran yang lama/tradisional, di samping pelajar Gen-Z juga lebih berminat untuk menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau ketiga mereka. Hal ini turut meletakkan bahasa Arab setanding dengan bahasa-bahasa dunia lain yang dimiliki oleh negara-negara maju.

## RUJUKAN

- Abdul Razif, Z., Muhammad Redzudin, G., Mohd Rufian, I., Noorshamsinar, Z., Hasmadi, H., & Mohamad Rushdan, Hj. A. (2017). Permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia. In I. Siti Zaleha, M. Z. Aemy Elyani, S. Suhaila, S. Mimie Syawalisa, A. R. Rosfazila, & Z. A. Ahmad Nazeer (Eds.), *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017*. Kajang, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ali, S., Rose Alinda, A., Syed Norris, H., Marlia, P., & Siti Hamisah, T. (2017). Higher education 4.0: Current status and readiness in meeting the fourth industrial revolution. Ministry of Higher Education Malaysia, (August), 23–24.
- Amrien Hamila, M., & Mohamed Amin, E. (2016). Implementation of blended learning in higher learning institutions: A review of literature. *International Education Studies*, 9(3), 41–52. <https://doi.org/10.5539/ies.v9n3p41>.
- Ansary, A., Yusup, H., Arafah, K., & Nazirah, M. S. (Eds.). (2010). *Dasar e-pembelajaran negara (DePAN) untuk institusi pengajian tinggi*. Jawatan Kuasa e-Cap Kementerian Pengajian Tinggi.

- Barnes & Noble College: Getting to know gen Z: Exploring middle and high schoolers' expectations for higher education. (2015). Retrieved from <https://next.bncollege.com/wp-content/uploads/2015/10/Gen-Z-Research-Report-Final.pdf>.
- Dasar e-pembelajaran negara 2.0. (2015). In Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- How to achieve blended—ECampus UMK. (2018). Retrieved March 21, 2019, from <https://www.slideshare.net/AhmadZakiAmiruddin/how-to-achieve-blended-ecampus-umk>.
- Ismail Suardi, W. (2015). Arabic teaching and learning: A model from Indonesian Muslim minority. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191, 286–290. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.236>.
- Lalima, Dr., & Lata Dangwal, K. (2017). Blended learning: An innovative approach. *Universal Journal of Educational Research*, 5(1), 129–136. <https://doi.org/10.13189/ujer.2017.050116>.
- Muhammad Ilham, M. (2017). Contextual teaching and learning method in studying Arabic. *HUNafa: Jurnal Studia Islamika*, 14(1), 175. <https://doi.org/10.24239/jsi.v14i1.465.175-188>
- Muhammad Modi, L., Maizatul Hayati, M. Y., & Suhairun Nizam, S. (2017). Pengenalan pembelajaran teradun. In M. Y. Maizatul Hayati & A. Ummu Husna (Eds.). *Pembelajaran teradun: Trend, isu dan amalan*, 3–14. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Norasyikin, O., & Mohd Isa, H. (2016). Hubungan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan blended learning berdasarkan jantina dan program. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 1–9.
- Overall report blended learning UMK semester 1 (2019/2020). (2019). Retrieved January 1, 2020, from <http://portal.umk.edu.my/apps/moodle/blended/current/overview>
- Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). (2015). In Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Schwab, K. (2016). *The fourth industrial revolution*. Geneva, Switzerland: World Economic Forum.
- Sejarah BTP. (2017). Retrieved December 17, 2017, from Portal Rasmi Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia website: <http://btp.moe.gov.my/article/94>.
- TN50: Masa depan negaraku. (2017). Retrieved September 5, 2018, from Mytn50.com website: [http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/transformasi\\_nasional\\_2050/mobile/](http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/transformasi_nasional_2050/mobile/).